

21/03/2004

Tiba giliran Pak Lah ulangi sejarah

A Kadir Jasin

BANYAK analisis dan ramalan dibuat mengatakan Barisan Nasional akan menang besar dalam pilihan raya umum ke-11 kali ini.

Antara hujah bagi menyokong andaian itu ialah ketiadaan isu besar yang boleh menjadi senjata kepada pembangkang, ketidaksepaduan di kalangan mereka dan tarikan terhadap kepemimpinan Perdana Menteri baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Apa yang kurang atau jarang disebutkan ialah faktor sejarah yang secara jelas menunjukkan kekuatan BN sejak ia diperkenalkan pada 1952 sebagai pakatan di antara Umno dan MCA.

Ia diwujudkan bagi mengambil bahagian dalam Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun berkenaan.

Eksperimen itu mencapai kejayaan di luar dugaan apabila pakatan Umno-MCA memenangi sembilan daripada 12 kerusi yang dipertandingkan.

Serentak itu bermulalah percubaan pelbagai pihak untuk menjatuh dan memecahkan pakatan antara kaum berkenaan.

Ia bermula dengan cabaran oleh Independence of Malaya Party (IMP) pimpinan Datuk Onn Jaafar. IMP menang dua kerusi dalam pilihan raya itu. Satu kerusi lagi dimenangi calon bebas.

Datuk Onn yang dilantik presiden pengasas Umno bagaimanapun meninggalkan parti itu pada Ogos 1951 apabila cadangannya membuka keahlian Umno kepada bukan Melayu ditolak.

Kemenangan cemerlang pakatan Umno-MCA menarik minat MIC menyertainya pada Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan pada 1955.

Gabungan tiga parti yang mula dikenali sebagai Perikatan itu memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Pas menang satu. Datuk Onn gagal memenangi sebarang kerusi walaupun menubuhkan parti baru - Parti Negara.

Sebagai parti gabungan yang mewakili pelbagai kaum, Perikatan terdedah kepada krisis dalaman. Krisis terawal berlaku pada akhir 1950-an apabila muncul apa yang dipanggil kumpulan "darah muda" pimpinan (Tun) Dr Lim Chong Eu di dalam MCA.

Akibat krisis itu, Perikatan hanya mampu memenangi 74 daripada 104 kerusi Parlimen yang dipertandingkan pada Pilihan Raya Umum 1959.

Pas memperoleh 13 kerusi, Barisan Sosialis lapan dan Parti Progresif Rakyat (PPP) empat dan masing-masing Parti Negara serta Parti Malaya, satu. Dalam pilihan raya Dewan Undangan Negeri, Perikatan kehilangan Kelantan dan Terengganu kepada Pas.

Sokongan kepada Perikatan pulih semula pada Pilihan Raya Umum 1964 apabila memenangi 89 daripada 104 kerusi Parlimen di Semenanjung. Kerusi Pas merosot kepada sembilan dan Perikatan menawan semula Terengganu.

Barisan Sosialis dan PPP masing-masing mendapat dua kerusi manakala United Democratic Party (UDP) pimpinan Chong Eu dan People's Action Party (PAP) Singapura, masing-masing memperoleh satu kerusi. Pilihan raya itu menandakan berakhirnya riwayat Parti Negara dan kerjaya politik Datuk Onn.

Seolah-olah ada sumpahan ke atas angka sembilan, Perikatan sekali lagi mengalami keadaan genting pada Pilihan Raya Umum 1969 apabila hilang majoriti dua pertiga di Parlimen dengan menang hanya 66 daripada 104 kerusi. Ia gagal menawan semula Kelantan dan hampir-hampir kehilangan Terengganu.

Kelantan hanya dimenangi semula pada 1974 apabila Pas menyertai BN tetapi hilang semula pada 1990 apabila parti serpihan Umno, Parti Melayu

Semangat 46 pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah bergabung dengan Pas. Pada 1999, Terengganu jatuh pula ke tangan Pas.

Sekiranya BN berjaya menawan semula Terengganu, ia akan memperkukuhkan lagi aliran di mana pilihan raya umum pertama oleh setiap Perdana Menteri baru mempunyai tarikan tersendiri.

Pengundi lebih bersedia memberi peluang kepada beliau dengan mengundi parti pemerintah. Contohnya, Tun Abdul Razak menang besar pada 1974 dengan menawan 135 daripada 154 kerusi Parlimen.

Tun Hussein Onn mengulangi rekod itu pada 1978 walaupun memecat Pas daripada BN beberapa bulan sebelumnya. BN menang 131 daripada 154 kerusi Parlimen. Pas hanya memperoleh lima kerusi dan DAP, 16.

Pada 1982, Tun Dr Mahathir Mohamad mengekalkan rekod Hussein dengan merampas 132 daripada 154 kerusi Parlimen dan menguasai semua Dewan Undangan Negeri.

Jadi, logiknya ialah tidak mustahil bagi Abdullah mengulangi rekod cemerlang himpunan perdana menteri sebelum beliau dalam pilihan raya umum sulung yang dipimpinnya ini.

Kemungkinan aliran itu menjadi kenyataan akan ditentukan apabila 10 juta pengundi atau sebahagian besar daripadanya keluar mengundi hari ini.